

BAB III

NARATHIWAT DARI SEGI SOSIO-POLITIKO-EKONOMI

Untuk memahami keadaan di wilayah Narathiwat sebagai latar belakang kepada persoalan yang akan dibincang secara lebih lanjut di bab-bab seterusnya maka dipaparkan sosio-politiko-ekonominya. Oleh kerana wilayah Narathiwat ada keunikannya selain daripada penduduk yang majoriti beragama Islam, ia juga bersempadankan dengan negeri jiran di sebelah selatan, dengan itu beberapa tindakan yang dilakukan oleh kerajaan Thai di selatan turut memberi kesan kepada wilayah ini.

1) Kedudukan Geografi, Penduduk dan Pentadbiran

Wilayah Narathiwat mempunyai keluasan lebih kurang 4,228 kilometer persegi atau 0.78 peratus dari keluasan keseluruhan negeri Thai. Ia terletak di sebelah timur Semenanjung Tanah Melayu. Di utara bersempadan dengan wilayah Patani dan Teluk Siam, di selatan bersempadan dengan Negeri Kelantan, Malaysia, di sebelah timur bersempadan dengan Teluk Siam dan di barat bersempadan dengan wilayah Yala.

Dari segi topografi, 2/3 keluasan kawasan wilayah Narathiwat masih berbukit dan berhutan khususnya di sebelah barat. Bukit yang paling penting ialah banjaran Bukit Sankalakiri yang bermula dari persisiran pantai barat Semenanjung Tanah Melayu di

Satun-Perlis sampailah ke permulaan Sungai Golok dalam daerah Waeng, Narathiwat. Panjang banjaran bukit itu ialah 428 kilometer.¹ Ia juga bersambung dengan bukit-bukit kecil yang berderet dan bertaburan dalam daerah-daerah Waeng, Rangae, Ruso dan Bachok seperti Bukit Hulu Kadang. Selain dari Banjaran Sankalakiri terdapat 2 bukit yang penting yang perlu disebut iaitu Bukit Belinja yang membahagikan daerah Bendang Setar dan Raman dalam wilayah Yala dengan daerah Ruso, Narathiwat. Yang satu lagi ialah Bukit Budor.

Kawasan lembah kebanyakannya terletak di kawasan yang berdekatan dengan Teluk Siam dalam daerah Takbai dan Muang. Terdapat beberapa buah sungai yang penting iaitu Sungai Saiburi yang bermula dari Sukhirin menuju ke kuala di Saiburi sepanjang 195 kilometer. Sungai Golok sebuah sungai antarabangsa yang dijadikan sempadan antara Thailand dan Malaysia bermula dari daerah Waeng melalui daerah Sungai Golok dan keluar di muara Takbai. Sungai ini panjangnya lebih kurang 95 kilometer. Sungai Bangnara sepanjang 60 kilometer melalui daerah Takbai, Sungai Padi, Rangae dan mengalir keluar ke muara Narathiwat. Sebuah lagi sungai yang lahir dari perubahan arus sungai dan ombak ialah Sungai Takbai sepanjang 14 kilometer. Ia mengalir keluar ke laut di Kampong Tabal daerah Takbai.

¹ Wichai Tiennoi, Phumisart Kanthongthiau Thai, (Geografi Pelancongan Thailand) Bangkok: Odean Store, 1985, hlm. 31.

Wilayah Narathiwat mempunyai persisiran pantai sepanjang 59 kilometer berbanding dengan persisiran pantai di Teluk Siam 330 kilometer.²

Oleh kerana wilayah Narathiwat letaknya berdekatan dengan laut ia senantiasa mendapat angin laut yang menyebabkan iklimnya tidak panas sepanjang tahun. Dengan itu wilayah ini hanya terdapat 2 musim iaitu musim panas yang bermula pada bulan April hingga ke bulan Ogos dan musim tengkujuh yang bermula pada September hingga ke bulan Mac, namun hujan lebat kebanyakannya berlaku pada bulan Disember dan Januari.

Pada tahun 1947, wilayah Narathiwat mempunyai penduduk seramai 168,714 orang. Pada tahun 1960 jumlah penduduk bertambah kepada 266,038 orang. Pertambah penduduk Narathiwat di antara tahun 1947-1980 paling tinggi iaitu 57.7 peratus jika dibandingkan dengan Patani 38.6 peratus, Yala 54.9 peratus dan Satun 50.3 peratus.³ Pertambahan penduduk yang mendadak ini berkemungkinan berpunca dari penghijrahan orang Thai Buddha ke wilayah ini dan pembukaan bandar baru seperti Sungai Golok. Pada tahun 1960 majoriti penduduk adalah beragama Islam iaitu 208,098 orang atau 75.2

² Phaenthi Prakob Aksaranukrom Phumisart Thai Chabab Rathbandit Sathan, Statistic 1975, hlm. 7.

³ Statistical Yearbook Thailand, No. 31, 1974-1975, hlm. 45-46.

peratus dan selebihnya beragama Buddha seramai 55,122 orang atau 20.7 peratus.⁴ Pada tahun 1970 jumlah penduduk meningkat kepada 326,633 orang. Dari jumlah ini seramai 254,529 orang atau 77.9 peratus beragama Islam manakala beragama Buddha cuma 71,384 orang atau 21.9 peratus.⁵ Penambahan penduduk antara tahun 1960-1970 ialah 22.8 peratus.⁶ Lihat Jadual 1.

Jadual 1
Bilangan Penduduk Narathiwat 1947-1970

1947		1960			1970				Peratus Pertambahan		Kepadatan Penduduk Tahun 1970
Jum. Pen- duduk	Islam	Buddha	Lain- lain	Jum. Pen- duduk	Islam	Buddha	Lain- Lain	1947- 1960	1960- 1970		
168,714	266,033	208,098	55,122	2,818	326,529	254,529	71,384	720	57.7	22.8	77
		75.2%	20.7	1.1		77.9	21.9	0.2			

Sumber : Statistical Year Book Thailand, No. 31, 1974-1975.

1960 Population Census

1970 Population & Housing Census

⁴ 1960 Population Census, Bangkok: Central Statistical Office, hlm. 10.

⁵ 1970 Population and Housing Census, Bangkok: National Statistical Office, hlm. 23.

⁶ Statistical Yearbook Thailand, No. 31, hlm. 45-46.

Dari segi kepadatan penduduk pula, angka purata bagi wilayah Narathiwat pada tahun 1970 adalah 77 orang bagi setiap kilometer persegi. Angka ini lebih rendah dari wilayah Patani iaitu 164 orang tetapi lebih tinggi daripada Yala dan Satun iaitu 42 dan 44.

Dari segi pentadbiran, wilayah ini terbahagi kepada 9 daerah, 1 daerah kecil (Sub-District) yang mewakili kerajaan pusat. Bagi bentuk pentadbiran kerajaan tempatan ia terbahagi kepada 2 bentuk iaitu Majlis Perbandaran (Muang dan Sungai Golok) dan Majlis Tempatan (Sanitary). Lihat Jadual 2.

Daerah	Jumlah	Mukim	Kampung	Kerajaan Tempatan	
				Majlis Perbandaran	Majlis Tempatan
(Sub-District)	379,153	60	324	2	7
Muang	63,278	7	38	1	-
Takbai	40,285	7	41	-	1
Bachok	26,755	6	26	-	1
Yingor	26,393	6	30	-	1
Ragae	77,254	11	70	-	1
Ruso	31,618	8	45	-	1
Sungai Golok	31,163	4	13	1	-
Sungai Padi	35,540	6	31	-	1
Sri Sakorn (Sub-District)	8,814				

Sumber : Department of Local Administration, Ministry of Interior, 1975.

(ii) **Kedadaan Sosial Dan Permasalahannya**

Penduduk Narathiwat hampir 80 peratus mempunyai persamaan dengan orang Melayu di Malaysia dalam segi bahasa adat resam, kebudayaan dan ugama. Mereka sama-sama menganut agama Islam Mazhab Shafie dan mengamal kebudayaan Melayu dalam kehidupan. Mereka patuh kepada ajaran ugama dan tidak suka berinteraksi dengan penganut agama lain. Dengan itu mereka dilihat sebagai sebuah masyarakat yang agak tertutup (closed society). Nilai dan kepercayaan ugama dihayati dari satu generasi ke satu generasi melalui sistem pendidik yang tersendiri dalam bentuk Taman Didikan Kanak-Kanak (Tadika) yang didirikan di hampir 240 buah masjid⁷ di seluruh wilayah Narathiwat. Keseluruhan buku yang diajar di Tadika di import dari Malaysia dengan menggunakan bahasa Melayu. Pengajian al-Quran diberi keutamaan oleh ibu bapa. Setelah dewasa sebahagian dari kanak-kanak Islam melanjutkan pelajaran ugama mereka di pondok-pondok yang bertaburan di Narathiwat dan wilayah yang berhampiran. Mengikut perangkaan kerajaan Thai, pada tahun 1972 terdapat 78 buah pondok dalam wilayah Narathiwat.⁸

Masyarakat Islam di Narathiwat juga masih kuat keterikatannya dengan kebudayaan Melayu. Ini dapat dilihat dari pakaian mereka iaitu kain sarong dan kain

⁷ Perangkaan tahun 1973.

⁸Keseluruhan wilayah selatan (Patani, Yala, Satun dan Narathiwat) pada tahun yang sama terdapat 269 buah pondok. Krasuang Suksathikan, Stitik Rongrianrad Sonsasna Islam, 1972.

batik, cara pergaulan dan mengamalkan cara hidup yang sederhana. Jika dilihat dari segi identiti, semangat kemelayuan mereka masih menebal dan lebih menonjol dari perasaan kebangsaan Thai yang cuba diassimilasi oleh kerajaan.⁹

Satu lagi keunikan masyarakat Islam di Narathiwat yang berbeza dari bahagian lain di Thailand selain Yala dan Patani ialah terdapat penduduknya yang tidak dapat bercakap dalam bahasa Thai berada di tahap tinggi. Penduduk yang dapat berbahasa Thai kebanyakannya adalah mereka-mereka yang mendiami di kawasan bandar dan dalam komuniti yang terdapat penduduk Islam dan Buddha.

Pada tahun 1947 jumlah penduduk yang buta huruf di Narathiwat adalah 80 peratus, lebih tinggi jika dibanding dengan wilayah-wilayah yang didiami oleh orang Islam seperti Yala dan Patani.¹⁰ Jumlah ini menurun pada tahun 1960 ke kadar 67.1 peratus berbanding dengan jumlah penduduk yang buta huruf di 3 wilayah berdekatan (Patani, Yala dan Satun) yang hanya 55-65 peratus. Lihat jadual 3.

⁹Prasit Wetsawan, Kol., Kanphattana Kansuksa Phua Buranakan Kong Changwat ChaidanPaktai, (Pembangunan Pendidikan Untuk Integrasi Wilayah Sempadan Selatan) Tesis M.A. National Institute of Development Administration, 1966, hlm. 127, juga lihat Soonwichai Lae Phattana Kantahan, Raingan Khrongkan Wichai Khaosan Nai Chanbwat Chaidan Paktai (Khan Til - Khan Ti4) (Projek Penyelidikan Informarsi Dalam Wilayah Sempadan Selatan Tahap 1-4), 1974, hlm. 3939.

¹⁰ Office of National Education Board.

Jadual 3

Bilangan dan Peratus Penduduk Berumur 5 tahun ke atas yang boleh dan tidak boleh bercakap bahasa Thai di Narathiwat pada tahun 1960.

Jumlah Penduduk	Kebolehan/Ketidakbolehan bercakap Bahasa Thai		
	Boleh	Tidak Boleh	Jumlah
266,038	75,157	153,121	228,278

Sumber : 1960 Population Census, Central Statistical Office.

Salah satu sebab kenapa tidak ramai penduduk Narathiwat yang berkebolehan dalam bahasa Thai ialah interaksi mereka lebih kerap dengan masyarakat Melayu Malaysia yang banyak persamaan di segi kebudayaan dari berinteraksi dengan masyarakat Buddha yang berlainan agama dan adat resam. Selain dari itu masyarakat Islam juga beranggapan bahawa bahasa Thai adalah bahasa agama Buddha dan penggunaannya adalah berdosa.¹¹ Tanggapan ini mungkin dikaitkan dengan kurikulum di sekolah kerajaan yang menekan kepada ajaran Buddha dan tidak diubahsuai dengan keadaan dan kehendak masyarakat setempat. Ada sebahagian penduduk yang boleh berbahasa Thai tetapi tidak dipertuturkan dalam kehidupan harian kerana disalahfahamkan bahawa bercakap bahasa Thai akan

¹¹ Prasit Wesawan, Kol., hlm. 124 dan Khachatphai Burutphat, Thai Muslim, hlm. 165.

kehilangan identiti bangsa dan akan disiamkan.¹² Sementara itu masyarakat Islam di Narathiwat lebih suka kepada sebaran am dari Malaysia seperti radio dan televisyen kerana rancangannya dalam bahasa Melayu yang dapat difahami oleh mereka.¹³

Di pihak kerajaan, masalah ketidakbolehan berbahasa Thai berkait rapat dengan pendidikan. Ini kerana salah satu sebab lahirnya masalah bahasa ialah ketidakcekapan dalam pengurusan pendidikan seperti kekurangan sekolah, guru dan peralatan pelajaran.¹⁴ Serta ketidakberkesanan dalam menguatkuasakan akta pelajaran peringkat sekolah rendah. Tanggapan rakyat tentang pendidikan juga menjadi penghalang kepada kemajuan pendidikan. Ramai yang berpendapat tidak perlu memasuki persekolahan kerajaan Thai dan tidak yakin dengan sistem pendidikan yang ada pada masa itu. Sebabnya, ia tidak dapat memenuhi kehendak masyarakat Islam di segi kurikulum dan bahasa yang menjadi isu tuntutan masyarakat Islam semenjak zaman monarki. Mereka mengkhawatiri anak-anak mereka akan lupa kepada ugama dan kebudayaan. Justeru itu tidak kurang yang

¹²Phakkhini Premyothin, "Krabuankan Borihan Rachakan Suanphumiphak KabKankaepanha Chonklumnoi Nai Changwat ChaidanPaktai" (Proses Pentadbiran Regional Dan Penyelesaian Masalah Minoriti di Wilayah Sempadan Selatan), Tesis M.A., Chulalongkorn University, 1976, hlm. 155.

¹³Nai Singyae, "Panha Lae Uppasak Nai Kanpatibatngan Kharachakan Paktai" (Masalah dan Halangan Dalam Menjalankan Tugas oleh Kakitangan Kerajaan di Selatan0, Thsaphiban, Tahun 69, Bil. 8 (Ogos 1974), hlm. 841.

¹⁴Khachatphai Burutphat, Thai Muslim, hlm. 163.

menghantar anak-anak mereka ke pondok.¹⁵

Dari banci penduduk tahun 1960 didapati penduduk Narathiwat yang tamat persekolahan darjah empat hanya 39.2 peratus¹⁶ (berbanding dengan keseluruhan wilayah sempadan selatan yang hanya 13.67 peratus). Ini relevan dengan peratus penduduk berumur 5 tahun ke atas yang tidak boleh berbahasa Thai 67.1 peratus. Namun begitu, pada tahun 1970 jumlah penduduk yang tamat persekolahan darjah empat bertambah kepada 46.4 peratus. Lihat Jadual 4.

¹⁵Astri Suhkke, "The Thai Muslim: Some Aspects of Minority Integration," Pacific Affairs, Vol. XLIII, No. IV, (Winter 1970-1971), hlm. 543.

¹⁶1960 Population Census.

Jadual 4

Peratus Murid Yang Tamat Darjah 4 dan Murid Yang Melanjut Pelajaran Di Wilayah Narathiwat Pada Tahun 1960 dan 1970

Murid Yang Tamat Darjah 4			Murid Yang Melanjut Pelajaran		
1960	1970	Peratus Tambahan Setahun	1960	1970	Peratus Tambahan Setahun
20,527	47,552	8.4	7,293	17,992	9.0
39.2	46.4	-	14.0	17.5	-

Sumber: 1960 Population Census
Population & Housing Census

Walau bagaimanapun, taraf pendidikan orang Islam masih di tahap yang rendah dan terkebelakang. Mereka hanya mendapat pendidikan persekolahan di peringkat rendah sahaja. Ini dapat dilihat dengan jelas dari perangkaan pada tahun yang sama iaitu bilangan murid beragama Islam di peringkat sekolah rendah di Narathiwat seramai 21,2317 orang manakala murid beragama Buddha hanya 6,186 orang. Ini bererti di peringkat sekolah rendah, bilangan murid beragama Islam hampir 4 kali ganda dari murid beragama Buddha. Tetapi bilangan ini akan menurun dengan mendadak di peringkat sekolah menengah iaitu murid beragama Islam yang menyambung pelajaran hanya 541 orang sedangkan murid

beragama Buddha 2,084 orang.¹⁷

Pada keseluruhannya boleh dikatakan bahawa taraf pendidikan penduduk Narathiwat masih belum memuaskan jika dibanding dengan wilayah-wilayah lain dalam negara Thai. Dari perangkaan di atas jelas kelihatan standard pendidikan di wilayah Narathiwat masih rendah di segi kualiti dan kuantiti.

Murid yang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi amat berkurangan. Selain dari itu mereka yang tamat persekolahan peringkat sekolah rendah jarang yang dapat berbahasa Thai dan tidak kurang yang terlupa langsung. Keadaan ini telah menimbulkan masalah komunikasi di antara kerajaan dan rakyat. Kerap kali diperlukan jurubahasa atau orang tengah untuk berkomunikasi. Dalam keadaan ini, salah faham dan curiga di antara satu sama lain yang kadangkala timbul sukar untuk diperbetulkan. Ia menyebabkan timbul kerenggangan dan pelbagai masalah di antara dua pihak tersebut. Kesimpulannya masalah sosial ini amat memberi kesan kepada pentadbiran wilayah ini.

(iii) Keadaan Ekonomi dan Permasalahannya

Struktur pengeluaran utama di wilayah Narathiwat tidak bersifat pelbagai. Ia hanya bergantung kepada beberapa jenis pengeluaran dari sektor pertanian iaitu

¹⁷Khetkan Suksa 2, "Phattana Kansuksa Phaksuksa 2 Chabab Ti2" (Pembangunan Pendidikan Bahagian 2) hlm. 5.

kegiatan dalam bidang pertanian (getah dan tanaman padi) dan perikanan. Pengeluaran juga masih bersifat tradisional dan bergantung kepada keadaan alam. Penghasilan yang rendah dan pemilikan tanah pertanian juga rendah menyebabkan pendapatan penduduk begitu rendah dan tidak seimbang dengan kos sara hidup yang semakin tinggi. Pendapatan seisi rumah di Narathiwat merupakan hanya 50 peratus pendapatan seisi rumah bagi wilayah lain dan sebahagian besar pendapatan itu berpunca dari kegiatan berkebun getah.¹⁸

Narathiwat masih merupakan sebuah wilayah yang mundur dan miskin. Ini dapat dilihat dengan jelas dari pendapatan per kapita pada tahun 1973 hanya 4,096 baht. Ia meningkat secara perlahan pada tahun berikutnya sekitar 4,677 baht.¹⁹ Oleh kerana pada tahun 1975 Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 1,7641.1 juta baht, iaitu kadar menurun yang disebabkan oleh terhentinya eksport getah maka ia turut menjejaskan pendapatan per kapita penduduk iaitu hanya 4,476 baht. Jika dibandingkan dengan pendapatan per kapita 14 wilayah selatan, kedudukannya di tangga ke 11. Pada tahun 1976 KDNKnya meningkat kepada 1,914 juta baht, dengan itu pendapatan perkapitanya turut meningkat kepada 4,715 baht dan berkedudukan di tangga ke 10.²⁰

¹⁸Preecha Piamphongsant, "Phonwikhroh Settakit 4 Changwatpaktaï" (Analisa Ekonomi 4 Wilayah Selatan) dalam Prachatipatai Raiwan, hlm. 27.

¹⁹Samnakngan Changwat Narathiwat, 1978, hlm. 21.

²⁰Provincial Products 1979, Office of National Board of Economic & Social Development.

Selain dari kemiskinan dan pendapatan yang rendah Narathiwat juga mempunyai penduduk yang paling banyak berhutang, iaitu purata 4,500 baht bagi seisi rumah berbanding dengan wilayah lain di selatan hanya kira-kira 3,700-3,900 baht.²¹ Narathiwat juga merupakan sebuah wilayah yang mempunyai penganggur bermusim yang paling tinggi di selatan Thailand. Bagi penganggur sepenuh masa di sektor pertanian pada tahun 1966 dianggarkan 8.2 peratus.²²

Kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh penduduk di wilayah ini yang patut disebut adalah seperti berikut:

Getah merupakan tanaman utama di Narathiwat. Kebanyakannya adalah pokok tua yang berumur 30 tahun ke atas. Ini menyebabkan hasil susu getah rendah iaitu lebih kurang 70 kilogram setiap rai setahun.²³ Manakala pokok getah kahwin atau yang berbakat baik menghasilkan susu yang lebih banyak kira-kira 200-300 kilogram setiap rai setahun.²⁴ Selain dari itu, kadar pemilikan tanah pekebun getah juga rendah. Lihat jadual 5 di bawah ini.

²¹ Preecha Piamphongsant, Phonwikhroh, hlm. 5.

²² Preecha Piamphongsant, Phonwikhroh, hlm. 5.

²³ Rai adalah sukatan tanah di Thailand, 2 1/2 rai bersamaan 1 ekar.

²⁴ Somsak Sarochamas, "Kanchuai Chaosuanyang 4 ChengwatPaktai: Nayobai Titong Lomleao," (Bantuan kepada Pekebun Getah 4 wilayah Selatan: Polisi Yang Gagal) Prachathipatai Raiwan, 7 Disember 1975, hlm. 8.

Jadual 5

Peratus Pemilikan Tanah Pekebun Getah Di Narathiwat Pada Tahun 1963

Rendah dari 6 rai						Lebih dari 140 rai
	6-15 rai	15-30 rai	30-45 rai	45-60 rai	60-140 rai	
10.7	33.7	31.4	11.8	5.9	5.6	1.0

Sumber : Sammano Kankaset 1963.

Dari jadual di atas didapati 65.1 peratus memiliki tanah di antara 6-30 rai (2-12 ekar). Pemilik lebih merupakan pekebun kecil getah daripada ladang getah yang diusahakan syarikat besar. Kedudukannya bertambah buruk dengan cara memprosesnya yang kurang moden. Malahan kestabilan ekonomi pekebun getah amat bergantung kepada pergerakan harga getah di pasaran dunia. Jika haraganya naik maka pendapatan pekebun getah turut dinikmati, kuasa membeli bertambah dan putaran wang dalam wilayah turut baik. Keadaan sebaliknya berlaku jika harga getah turun ke paras yang rendah. Dari jadual 6 di bawah ini dapati dilihat pergerakan harga getah di Thailand di antara tahun 1954-1970.

Jadual 6

Harta-harga getah di antara tahun 1954-1970

Jenis Gred Getah	Harga 1 kilogram/baht						
	1954	1959	1960	1963	1967	1969	1970
1	19.20	12.30	13.10	8.47	6.40	6.70	5.20
2	19.00	12.20	12.90	-	6.35	-	-
3	18.70	12.10	12.80	-	6.25	1	1

Sumber : Khaosarn Phanich 1954, Khaosarn Phanich No. 7, 1959, No. 7, 1960.

Nangsupimp Khaophanich 16 Februari 1963, 28 Februari 1967.

Harga getah begitu tinggi pada tahun 1954 tetapi pada tahun 1963 hingga ke 1970 harganya menurun hanya 5.20 baht satu kilogram, sedangkan kos sara hidup lebih tinggi. Salah satu sebab penting mengapa harga getah jatuh ialah negara Barat ketika itu telah menemui cara membuat getah tiruan yang kualitinya tidak kurang dari getah asli. Keadaan harga getah murah berlarutan sehingga ke tahun 1974 harganya masih tidak banyak berbeza iaitu 8 baht bagi satu kilogram.²⁵

²⁵Watchara Singkhawiboon, "Krathon Thongphrarong Paktai" (Tong Sampah Selatan), Thesaphiban, Tahun 1969, Bil. 9 (September 1974), hlm. 860.

Penanaman padi merupakan kegiatan ekonomi pertanian yang penting selepas berkebun getah. Pada tahun 1971 kawasan bertanam padi di Narathiwat seluas 133, 485 rai. Penanaman padi kebanyakannya bergantung kepada keadaan alam kerana sistem perparitan dan saliran masih belum dimajukan. Selain dari itu pemilikan tanah sawah yang rendah juga menjadi salah satu sebab penghasilan padi rendah dan pendapatan golongan pesawah turut rendah. Lihat jadual 7, taraf kemiskinan mereka paling ketara. Pada tahun 1973 pendapatan seisi rumah pesawah di Narathiwat hanya 2,625 baht setahun.²⁶

Jadual 7

Taraf Ekonomi Pesawah Padi Di Narathiwat Pada Tahun 1963

Isi rumah Pesawah	Peratus dari bidang pertanian	Luas tanah bertanam padi Seisi rumah/rai	Hasil padi satu rai (kg)	Hasil padi seisi rumah (kg)
28,801	70.1	5.74	212	1,217

Sumber : Sammano Kankaset 1963

Sebenarnya, hasil padi yang diusahakan oleh pesawah di Narathiwat pada tiap-tiap tahun tidak mencukupi untuk keperluan penduduknya dan terpaksa dibeli beras dari wilayah lain. Walaupun di beberapa kawasan seperti daerah Takbai, Yingor, Rangae,

²⁶Preecha Piamphongsant, Phonwikhroh, hlm. 8.

Bachok, Sungai Padi dan Sungai Golok dapat diusahakan tanaman padi 2 kali setahun namun tidak juga mencukupi. Mengikut taksiran pihak tentera, kawasan bertanam padi pada tahun 1976 seluas 250,429 rai sementara bilangan penduduk 405, 916 orang maka ia dikira mencukupi untuk memenuhi keperluan penduduk malah dapat dijual selebihnya.²⁷ Tetapi pada hakikatnya, Narathiwat mengimport beras dari wilayah lain sepanjang masa. Salah satu sebab ialah beras dari Narathiwat banyak diseludup secara terang-terang ke Malaysia kerana harganya lebih tinggi. Keadaan ini berlaku kerana ada kakitangan kerajaan bersubahat dengan taukeh-taukeh beras dan ia juga menyebabkan kekurangan beras yang serius di Narathiwat sepanjang tahun 1974.²⁸

Perikanan, oleh kerana Narathiwat mempunyai pantai sepanjang 59 kilometer maka penangkapan ikan juga menjadi mata pencarian yang tidak kurang pentingnya. Nelayan menggunakan bot-bot kecil dalam usaha penangkapan ikan yang tidak jauh dari pantai. Di musim tengkujuh mereka terpaksa berhenti dari keluar ke laut. Ini menjejaskan pendapatan mereka. Pada keseluruhannya kaum nelayan di wilayah ini berpendapatan rendah dan miskin. Kegiatan nelayan tertumpu di daerah Muang Narathiwat dan Takbai.²⁹

²⁷Soonwichai Lae Kanphattana Kantahan, Raingan Khrongkan, hlm. 16.

²⁸Nai Singyae, Panha Lae Uppasak, hlm. 840.

²⁹Samnakngan Changwat Narathiwat, "Banyaisrup Changwat Narathiwat" (Taklimat Wilayah Narathiwat), 1975.

Selain dari itu terdapat juga kegiatan pertanian lain seperti tanaman kelapa terutama dusun buah-buahan yang semakin mendapat perhatian penduduk Narathiwat kerana menghasilkan pendapatan yang lumayan. Durian dan dokong banyak ditanam di daerah Ragae sehingga dapat dieksport ke wilayah lain. Perternakan juga di usahakan tetapi secara kecil-kecilan sahaja dengan tujuan untuk keperluan keluarga.³⁰

Perkembangan industri di Narathiwat amat lembab sekali. Kebanyakannya merupakan kilang-kilang kecil yang tidak banyak mengguna tenaga pekerja. Terdapat 174 buah kilang memproses getah di daerah Muang, Sungai Golok, Ruso dan Sungai Padi. Kilang memproses papan sebanyak 9 buah di daerah Muang, Sungai Golok dan Ragae dan 10 kilang membuat bata di daerah Muang, Sungai Golok dan Ragae.

Bagi kegiatan perlombongan, terdapat 3 perlombongan, 2 daripadanya adalah lombong bijih timah dan satu lagi lombong mengganam. Lombong bijih dan mengganam di usahakan di daerah Ragae dan satu lagi lombong bijih diusahakan di daerah Ruso.³¹ Pada tahun 1974 dijumpai tanah liat putih di daerah Sungai Padi. Ia dijadikan bahan untuk memproses barangan tembikar dan peralatan tandas yang dieksport keluar wilayah.³²

³⁰Ibid.

³¹Soonwichai Lae Phattana Kantahan, Raingan Khrongkan, hlm. 41.

³²Ibid.

Sektor perniagaan adalah satu sektor yang kian berkembang maju kerana wilayah ini bersempadan dengan negeri Kelantan yang giat membangun terutamanya semenjak tahun 1971 di mana Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia. Perniagaan di antara penduduk Narathiwat dan Kelantan berjalan secara sah dan haram terutamanya di daerah Sungai Golok. Namun begitu kebanyakan perniagaan di Narathiwat di kuasai oleh keturunan China. Amat sedikit perniagaan yang dijalankan oleh orang Islam atau Thai asli kerana mereka tidak berani menghadapi risiko dan kurang pengalaman di bidang perniagaan. Salah satu lagi sebab yang tidak kurang pentingnya ialah kekurangan sumber kewangan.³³

(iii) Keadaan Politik Dan Permasalahannnya

Dari latarbelakang sejarah dan ciri-ciri penduduk yang berbeza di segi ugama, adat resam dan kebudayaan penduduk di wilayah ini maka timbullah beberapa masalah politik dan pentadbiran yang memberi kesan kepada keselamatan negara dan integrasi nasional.

(a) Gerakan Pemisahan Wilayah Selatan

Boleh dikatakan pada tahun 1962 adalah tahun permulaan berlaku keganasan menentang kerajaan secara terang-terangan. Ia juga meliputi seluruh 3 wilayah, Patani, Yala dan Narathiwat. Di Narathiwat, gerakan yang dipimpin oleh Mat Isa telah bertindak

³³ Ibid., hlm. 20.

memeras ugut wang perlindungan dari tuan punya kebun getah dan membunuh pegawai kerajaan. Keganasan yang paling serius ialah serangan terhadap Ketua Polis Wilayah (Chief Police Officer) dan Ketua Polis Bahagian hingga cedera parah. Tindakan berani oleh Mat Isa tersebut dipercayai ia adalah sebahagian dari rancangan gerakan pemisahan wilayah selatan bukanlah semata-mata tindakan Mat Isa bersendirian.

Setelah Mat Isa di tembak mati pada tahun 1965 nama Pak Yeh atau Idris bin Mohammadiyah mengetuai tentera pembebasan Patani di bawah parti Barisan Nasional Pembebasan Patani (BNPP) yang bermarkas di Bukit Budor. Pak Yeh memulakan gerakan ketenteraan di Narathiwat pada tahun 1969 dan berjaya memperluaskan pengaruhnya sehingga digelar Raja Bukit.

Dari perangkaan yang dikumpul pada bulan Mac 1973 terdapat 20 gerombolan pengganas dengan anggotanya seramai 193 orang, bergerak di Narathiwat.³⁴ Gerombolan yang penting iaitu gerombolan Pak Yeh, gerombolan Daud Awang Teh, gerombolan Mahmud Tukang Besi, gerombolan Braheng Anak Kera Hutan. Ketiga gerombolan ini bergerak di daerah Bachok. Gerombolan Awang Bukit atau Tok Gahong bergerak di daerah Ruso.³⁵ Tetapi ketua gerombolan yang sangat dikehendaki oleh pihak berkuasa sehingga menawarkan wang sebanyak 200,000 baht kepada sesiapa yang dapat

³⁴Kampanat Chintawirote, Pol. Col., Kabuankan, 127.

³⁵ "Yangmi Siangpuen Tikhao Budo," (Masih Kedengaran Suara Tembakan Senjata Di Bukit Budor) dalam Rusamilae, Tahun, 3, Bil. 1 (Mac-April 1974), hlm. 190.

menangkapnya hidup-hidup atau mati ialah Pak Yeh.³⁶

Walaupun bagaimanapun pada tahun 1972 kerajaan telah melancarkan gerakan besar-besaran dan berterusan untuk menghapus pergerakan yang dipimpin oleh Pak Yeh itu. Operasi-operasi yang dilancarkan dipusatkan di Narathiwat seperti operasi Ramkhamhaeng dan sebagainya. Tekanan kuat dari pihak kerajaan memaksa Pak Yeh dan pergerakannya membubar markas di Bukit Budor dan berundur ke Malaysia. Sebenarnya masalah penjenayah dan masalah pergerakan pemisahan tidak dapat dipisahkan kerana pergerakan selalu mempelawa gerombolan penjenayah yang bertindak tanpa haluan supaya menyertai pergerakan mereka, manakala gerombolan penjenayah pula melihat penyertaan itu akan lebih memudahkan mereka mengguna nama pergerakan untuk mengugut sasarannya. Lebih dari itu gerakan pemisahan terutama BNPP menggunakan Kelantan sebagai markah kepimpinan dalam memberi arahan dan mengawal pergerakan subversif di wilayah Thai, malah markas itu juga menjalankan latihan ketenteraan dengan menghantar pelatih ke Narathiwat (Thailand) atau melatih gerila di Kelantan. Markas itu juga memberi bantuan di segi senjata dan peluru kepada gerila yang bergerak di Narathiwat.³⁷

³⁶Siamrath Raiwan, 11 November 1975.

³⁷Kampanat Chintawirote, Pol. Col., Kabuankan, hlm. 194.

Salah satu sebab Kelantan dijadikan markas besar ialah kemudahan menyeberangi sempadan Narathiwat-Kelantan yang hanya dipisah oleh Sungai Golok. Didapati bahawa penyokong-penyokong pergerakan mengguna laluan di daerah Sungai Golok dan Takbai sementara pengangkutan penting dan gerila bersenjata akan mengguna bot dan mendarat di Mukim Maikaen, Patani.³⁸ Bagi latihan senjata kepada gerila di Narathiwat, dari bukti-bukti kerajaan didapati 2 orang ahli parti Rakyat Malaysia menjadi pelatih di markas Bukit Budor pada tahun 1971. Pada 27 Oktober 1971 pasukan keselamatan Thai telah bertempur dengan gerila di kaki bukit. Bukit Tinggi, Mukim Teluk Manak, Daerah Bachok yang menyebabkan kematian Muhammad Alwi bin Tahir seorang pengurus firma perniagaan di Taiping, Perak dan seorang lagi cedera parah dan sempat dibawa dengan menaiki bot ke Malaysia.³⁹

Walaupun Pak Yeh telah berundur ke Kelantan namun keadaan keamanan di Narathiwat pada tahun 1974 tidak juga pulih. Pergerakan pemisahan terus melakukan kekacauan dengan menghasut supaya berlaku perpecahan di kalangan masyarakat Islam dan masyarakat Buddha dan mencetus situasi yang melahirkan rasa kebimbangan masyarakat Islam terhadap kebebasan dalam mengamal ajaran Islam.⁴⁰ Apabila timbul keadaan curiga dan ketidakpuasan hati di kalangan rakyat ia akan membuka peluang untuk

³⁸Ibid.

³⁹Ibid., hlm. 96-197.

⁴⁰Phakkini Premyothin, *Krabuankan Borihan*, hlm. 150-151.

menarik perhatian dan sokongan negara luar.⁴¹ Berbagai cara dilakukan untuk menakutkan penduduk Narathiwat seperti ugutan menutup kebun getah dan dusun, peras ugut wang perlindungan dan menculik, yang kebanyakan sasarannya adalah taukeh-taukeh China dan Thai Buddha. Tidak ada seorang Islam pun diculik.⁴² Kadar tebusan terpulang kepada taraf seseorang mangsa, jika mangsanya orang awam bayaran tebusannya sekitar 10,000 baht dan jika peniaga atau orang kaya dikenakan tebusan 40,000 baht sehingga 100,000 baht.⁴³

Keadaan dibandar Narathiwat pada waktu siang berjalan seperti biasa tetapi di waktu petang terutamanya malam semuanya berada keadaan sunyi sepi, gedung perniagaan ditutup lebih awal. Penduduknya tidak keluar rumah di waktu malam kerana bimbang keselamatan mereka.⁴⁴ Keadaan lebih teruk di luar bandar kerana diperas ugut sehingga tidak berani bekerja di kebun. Oleh kerana tidak tahan dengan keadaan sedemikian tidak kurang yang menjual kebun dengan harga yang murah dan pembelinya

⁴¹ Khachatphai Buruphat, Thai Muslim, hlm. 280.

⁴² Ibid., Am Rong-nguen, Wakil rakyat dari Phattalung dalam perbahasannya di Dewan Rakyat mendakwa beberapa tindakan yang dilakukan oleh gerakan pemisahan bertujuan menghalau orang Thai dan China dari tiga wilayah. Lihat Laporan Persidangan Dewan Rakyat (Sidang Tergempar) Sesi ke 6-8, 1975 hlm. 372.

⁴³ Prachatipatai Raiwan, 26 Jun 1974.

⁴⁴ Wichai Mikhayan, "Bantuk Cak Sam Changwat Paktai" (Memo Dari Tiga Wilayah Selatan), Prachatipatai Raiwan, 5 Julai 1974, hlm. 3.

adalah orang Islam.⁴⁵ Dipercayai beberapa orang pembeli ada hubungan dengan Tengku Abdul Jalal Tengku Abdul Mutalib, ketua gerakan BNPP, dalam bentuk bantuan kewangan untuk tujuan tersebut.⁴⁶ Tindakan peras ugut wang perlindungan terhadap pengusaha perlombongan di Daerah Ruso menyebabkan pihak pengurusan lombong terpaksa menutup kerja-kerja perlombongan.⁴⁷ Hal ini diakui oleh Timbalan Menteri Perdagangan sebagai suatu hambatan kepada kemajuan dan memburukkan lagi pembangunan ekonomi di selatan.⁴⁸

Golongan guru juga menjadi sasaran, terdapat kes penculikan dan pembunuhan guru di beberapa daerah seperti Bachok dan lain-lain. Beberapa buah sekolah terpaksa ditutup atau waktu persekolahan dipendekkan kerana guru-guru tidak yakin akan keselamatan diri mereka⁴⁹ walaupun mereka dipaksa membayar wang perlindungan

⁴⁵Prachatipatai Raiwan, 12 Jun 1974. Kenyataan ini dibuat oleh Pol. Lt. Jen. Sanan Monothonsorasakdi, seorang pegawai tinggi polis di selatan Thai.

⁴⁶Prachatipatai Raiwan, 20 Jun 1974.

⁴⁷Prachatipatai Raiwan, 8 Mei 1974.

⁴⁸Prachatipatai Raiwan, 26 September 1974.

⁴⁹Oleh kerana tekanan keselamatan yang semakin buruk khususnya yang berpunca dari penculikan tiga orang guru wanita di Yala maka pada 16 Disember 1974 guru-guru dari wilayah Patani, Narathiwat dan Yala telah mengadakan demonstrasi besar-besaran di Yala. Salah satu tuntutan ialah mendesak pihak kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap penjenayah. Lihat keterangan terperinci dalam suratkhbar Prachatipatai Raiwan, 12-25 Disember 1974.

sebanyak 100 baht sebulan.⁵⁰ Keadaan ini menjejaskan prestasi dan pencapaian murid-murid di daerah yang terbabit.

Apa yang turut memburukkan keadaan ialah beberapa batang jalan dikatakan kurang selamat. Jalan-jalan yang paling merbahaya di Narathiwat ketika itu ialah jalan dari daerah Ruso ke daerah Saiburi dalam wilayah Pattani dan jalan besar yang menghubungkan wilayah Narathiwat dengan Pattani. Jalan Ragae (Tanjong Mas) ke Dusun Nyior juga mencatat sejarah keganasan apabila tiga orang polis hutan Thai yang menaiki sebuah bas penumpang telah ditangkap oleh sekumpulan penjahat dan dibawa masuk ke dalam hutan sebagai tawanan, bagi penumpang lainnya tidak diapa-apakan.⁵¹ Pada 20 Jun 1974 sebuah keretapi penumpang dari stesen sungai Golok menuju ke Yala ditembak di daerah Ruso dalam perjalanan menuju ke Yala, menyebabkan dua orang penumpang mati dan lima belas orang cedera parah.⁵²

Dari kejadian buruk yang berlaku di Narathiwat maka kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk membentaras kegiatan gerakan pemisahan namun cara pihak berkuasa menjalankan operasi tersebut telah menimbulkan sikap negatif di kalangan

⁵⁰Thailand, Dewan Rakyat, Laporan Persidangan Dewan Rakyat, Sidang Tergempar, Sesi ke-6-8, 1975 (Bahasa Thai), hlm. 369.

⁵¹Thai Daenthong, "Sathanakan Sam Changwat Paktai Nai Rop Pi 2517" (Keadaan di Tiga Wilayah Selatan Sepanjang Tahun 1974) dalam Rusamilae, Tahun 3, Bil. 6 (Januari-Februari 1975), hlm. 18-19.

⁵²Ibid., juga dilihat Prachatipatai Raiwan, 21 Jun 1974.

penduduk terhadap kerajaan. Di zaman Thanom, Jeneral Praphas Charusathien selaku Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri telah memberi arahan kepada polis supaya menjalankan taktik “Penjenayah Membenteras Penjenayah” sebagai cara membenteras gerila dan gerombolan penjenayah. Beberapa orang penjenayah diberi latihan di wilayah Prachuab Khirikhan sebelum melengkapkan mereka dengan senjata. Ketika itu terdapat ramai anggota polis bawahan yang memberi perlindungan kepada penjenayah yang bersedia menjalankan tugas apabila pegawai polis atasan memerlukannya.⁵³ Malahan Menteri Dalam Negeri juga membenarkan anggota polis, penggawa, Ketua Kampong dan anggota Rela di 3 wilayah, Patani, Yala dan Narathiwat membunuh mereka-mereka yang dianggap berbahaya kepada keselamatan negara dengan hanya mendapat surat kebenaran dari Ketua Polis Wilayah atau Gabenor.⁵⁴ Strategi ini dikenali dengan “Sekob Seekor” yang bererti nyawa manusia ketika itu sama nilainya dengan sebutir peluru iaitu satu baht.

Ramai orang yang mati di tembak kerana tindakan sewenang-wenang oleh pihak yang diberi kuasa itu. Keselamatan nyawa tidak terjamin hatta nyawa seorang pensyarah Universiti Prince of Songkla, Seni Madakakul yang berani memperkatakan sesuatu isu turut tergugat.⁵⁵

⁵³Ruangyot Chantarakhiri, Sathannakan, hlm. 213.

⁵⁴Ibid., hlm. 249.

⁵⁵Ibid.

Pada tahun 1975 banyak penyiksaan yang dilakukan oleh pihak polis yang menyebabkan timbul suasana kegelisahan di seluruh wilayah walaupun pada ketika itu negara Thai diperintah oleh kerajaan demokrasi. Di sini akan diperturunkan beberapa kejadian sekitar tahun 1975-1976 yang diceritakan oleh Siddik Sharif, wakil rakyat Narathiwat dan lain-lain sumber.

Pada 29 Oktober 1975 sepasukan polis khas telah memukul Hamat bin Yasin, Seman bin Moh bersama enam orang kampong hingga cedera parah. Kejadian itu berlaku di Kampong Banggol Payam daerah Sungai padi. Pasukan polis tersebut juga menggeledah rumah seorang tok guru pondok, Haji Mat Naim serta mengacu pistol di pinggangnya.

Sebelum itu pada 20 Oktober tahun yang sama, polis telah menahan Wahab bin Madiyah imam kampong yang sama dan meniarapkannya di tanah serta mengacukan pisau di tengkok beliau. Sebutir bom diletak di celah paha supaya imam itu memberitahu tempat persembunyian penjahat. Apabila beliau tidak dapat menjawab, beliau dijemur dalam keadaan sedemikian buat seketika. Di hari yang sama, polis telah menggunakan mata kail mencucuk telinga seorang penduduk kampong bernama Walong dan mengarahkan Zainu, anak saudaranya berjalan serta menarik kail itu. Tujuan perbuatan itu supaya Walong menceritakan tempat persembunyian penjahat.

Pada 3 November 1975, polis khas mendatangi kampung Tok Deng, daerah Sungai Padi. Mereka menahan, menendang dan memukul Mamat bin Pak Cheh dengan buntut senapang hingga patah gigi dan bengkok lebam seluruh tubuhnya. Di hari yang sama, polis menahan Mamat bin Manaf dan melakukan penyiksaan seperti memotong rambyut, dicurah cuka getah ke atas kepala dan membakar janggutnya.⁵⁶

Pada 7 Januari 1976, penduduk Narathiwat seramai 2,000 orang berarak ke Ibu Pejabat Polis Wilayah menuntut supaya pihak berkuasa mengambil tindakan ke atas 4 orang polis yang menunjukkan sikap biadap dan mengacu pistol kepada Muhammad Daud, guru agama pondok Charoen Sasna di Kampong Bendang Pinang, Mukim Lubuk Samah Daerah Bachok. Penunjuk perasaan juga mahukan polis tersebut ditukar ke tempat lain dalam masa 7 hari, tuntutan tersebut di persetujui oleh gabenor dan ketua polis wilayah.⁵⁷

Lain-lain kejadian yang menyayat hati ialah seorang lelaki dari Kampong Becah, Mukim Bachok, Daerah Bachok dituduh melindungi seorang penjahat, iaitu anaknya. Beliau ditangkap dan rumahnya dimusnah.⁵⁸ Seorang isteri ditangkap kerana suaminya

⁵⁶Preecha Yaacob, "Raingan Chak Pattani "Nasan" Krabuan 2," (Laporan dari Patani "Nasan" ke 2), Prachathipatai Raiwan, 4 Januari 1976, hlm. 2.

⁵⁷Prachathipatai Raiwan, 8 Januari 1976.

⁵⁸Preecha Yaacob, "Khamhaikan Chak Pattani" (Kenyataan Dari Patani), Prachathipatai Raiwan, 18 Januari 1976.

dituduh sebagai penjahat, ditelanjang dan dipaksa berjalan dari Kampong Pohon Jerai (Tonsai) di daerah Bachok sejauh 3 kilometer.⁵⁹ Suan Mattae seorang guru di daerah bachok ditembak mati pada 10 November 1975. Beliau seorang yang berani dan tidak mahu tunduk kepada pihak yang tidak bertanggungjawab.⁶⁰

Selain dari tindakan yang melulu dari pihak polis, satu lagi sebab yang turut menyumbang memburukkan keadaan di Narathiwat ialah masalah hubungan antara pegawai kerajaan dengan rakyat. Masalah ini sudah lama berlaku dan sukar diperbetulkan walaupun kerajaan telah menubuhkan satu badan khas untuk menanganinya. Bentuk hubungan dua golongan ini lebih mirip kepada hubungan antara yang memberi perkhidmatan dengan yang menerima perkhidmatan.⁶¹ Pegawai kerajaan memandang orang Islam lebih rendah daripadanya di segi status kedudukan, pendidikan dan kebudayaan. Dari sikap feudal ditambah pula ketidakfahaman tentang adat resam, budaya, ajaran agama Islam dan Bahasa Melayu menimbulkan jurang perbezaan yang begitu luas antara dua golongan tersebut.

Tindak tanduk kakitangan kerajaan sendiri juga menimbulkan masalah besar terutama dalam hal rasuah. Dikatakan Selatan Thailand termasuk Narathiwat adalah

⁵⁹ A. Bangnara, Pattani Adit, hlm. 127.

⁶⁰ Preecha Yaacob, Khamhaikan.

⁶¹ Phakkhini Premhotin, Krabuankan Borihan, hlm. 145.

sumber pendapatan yang bukan sedikit bagi pegawai kerajaan yang bertugas terutama di kawasan sempadan. Walaupun mereka baru sahaja ditukar tidak beberapa lama tetapi mereka cepat dapat hidup selesa dan mewah.⁶² Sedangkan pangkat dan gajinya tidaklah tinggi. Keadaan ini berkemungkinan mereka menggunakan jawatan untuk kepentingan diri di atas kesengsaraan hidup rakyat. Mereka sering mementingkan penggunaan kuasa daripada penyelesaian secara damai sehingga menimbulkan penderitaan orang ramai.⁶³

Keadaan seperti disebut di atas menyebabkan pegawai kerajaan sukar mendapat kerjasama dari orang ramai yang membawa kepada timbulnya jurang yang luas juga membawa kepada ketidakcekapan dalam pentadbiran. Bagi rakyat pula sikap pegawai kerajaan sedemikian mendorong mereka mudah dipengaruhi oleh anasir subersif.

Begitulah keadaan di Narathiwat pada tahun 1960an dan 1970an sehingga ada yang menganggarkan bahawa perasaan ketidakpuasan hati di kalangan rakyat memaksa mereka bersimpati dengan pergerakan pemisahan kira-kira 30 peratus dari seluruh penduduk. Anggaran ini walaupun sukar dipastikan namun ia dapat sedikit sebanyak menggambarkan keadaan di selatan terutamanya di Narathiwat ketika itu.

⁶²Ibid., hlm. 147.

⁶³Charun Suphab, "Panha Paktai" (Masalah Selatan), Thesaphiban, Tahun 68, Bil. 8 Ogos 1974, hlm. 798.

(b) Parti Komunis Malaya

Parti Komunis Malaya (PKM) merupakan sebuah gerakan yang mengancam keselamatan wilayah Narathiwat walaupun pada mulanya ia tidak dianggap begitu oleh kebanyakan pihak. PKM mula memasuki daerah Waeng dan Ragae pada tahun 1945⁶⁴ sebagai pelarian dari tekanan ketenteraan dari Malaya.

Di Narathiwat, PKM yang dikenali dengan Regimen ke 10 dan keanggotaannya hampir keseluruhannya berbangsa Melayu,⁶⁵ mendakwa mereka adalah tentera dari Malaya yang akan membebaskan Malaya dari British.⁶⁶

Pendirian kerajaan Thai pada mulanya tidak menganggap PKM sebagai seteru utama dan mendesak kerana kemasukan mereka ke Thailand, bukan sahaja tidak menyerang pasukan keselamatan Thai malah mengelak dari bertempur. Lagipun kerajaan Thai tidak mahu menambah seteru selain dari yang telah wujud iaitu gerakan pemisahan dan parti komkunis Thailand (CPT), tujuan PKM ketika itu juga nyata untuk berlindung di

⁶⁴Phaitun Dase, Panha Chonklumnoi NaiPratet Thai: Ekaphab Kab Communist, (Masalah Minoriti Di Thailand : Keutuhan dan Komunis) Bangkok: Research Centre, Faculty of Political Science, Thammasat University, 1984, hlm. 190.

⁶⁵Pada tahun 1976, Keanggotaannya seperti berikut, 350 orang adalah Melayu Malaysia 120 orang Islam Tempatan dan 15-20 orang China.

⁶⁶Phaitun Dase, Panha Chonklumnoi, hlm. 191.

Thailand sementara memperkuat tenteranya untuk menyerang Malaya. Mereka tidak bertujuan menggulingkan kerajaan Thai atau memberi sokongan kepada gerakan pemisahan Islam di selatan.

Dengan itu, pihak pemimpin Thai dan PKM telah membuat perjanjian sulit (Tacit Agreement) bahawa "Pihak Thai tidak akan campurtangan dalam urusan PKM dengan syarat PKM tidak mengganggu ketenteraman orang Thai. Pihak PKM memberi jaminan bahawa ia akan menjalankan kegiatan menentang kerajaan Malaysia hanya terhad kepada Malaysia barat sahaja dan tidak akan bertempur dengan pasukan keselamatan Thai serta tidak akan memberi sokongan kepada gerakan pemisahan wilayah selatan."⁶⁷

Dengan adanya lampu hijau dari pihak atas maka tidak hairanlah kalau didapati sesetengah pegawai kerajaan Thai yang bertugas di sempadan ada hubungan baik dengan PKM kerana mereka saling bantu membantu di atas kepentingan bersama seperti kegiatan perlombongan, kebun getah, penyeludupan dan kegiatan haram terutama kayu balak di daerah Sungai Padi dan Waeng.⁶⁸ PKM juga membantu di segi maklumat pergerakan gerila

⁶⁷Surin Pitsuwan, Issues Affecting Border Security between Malaysia and Thailand, Monograph Series No. 4, Bangkok: Research Centre, Faculty of Political Science, Thammasat University, 1982, hlm. 7.

⁶⁸Ruangyot Chantarakhiri, Sathannakan, hlm. 215, 222.

Islam di kawawan sempadan.⁶⁹

Walaupun PKM ada hubungan baik dengan sesetengah pihak dari kerajaan tetapi di kalangan penduduk tempatan, mereka telah membebankan dengan pelbagai cukai yang merupakan sumber kewangannya. Pekebun getah terpaksa membayar cukai bulanan sebanyak 5 baht setiap seekor tanah kebun getah, cukai tahunan sebanyak dua kali dari hasil jualan getah pada satu hari. Jika ada jual beli kebun getah, si penjual dikenakan 5 peratus dari harga jualan. PKM juga mengutip cukai dari bantuan kewangan dari kerajaan kepada pekebun kecil getah sebanyak 40 bath setiap satu rai.⁷⁰ Cukai juga dikenakan kepada kegiatan-kegiatan lain yang dilakukan dalam kawasan pengaruhnya seperti pembalakan, setiap satu meter dituntut sebanyak 10 baht dari syarikat yang mendapat tender dan 25 baht dari syarikat pengangkutan balak.⁷¹ Dari kutipan pelbagai jenis cukai tersebut, PKM tidak menghadapi masalah kewangan dalam menjalankan kegiatan mereka.

Dalam persiapan PKM terutama Regimen ke 10 untuk menjayakan cita-cita revolusinya, mereka tidak dapat memperkecilkan sokongan penduduk tempatan. Untuk

⁶⁹Somkiat Suphanchanaburi, Khuamsamphan Rawang Thai Kab Malaysia Rawang B.E. 2519-2526 (Hubungan Antara Thailand dan Malaysia 1976-1983) Bangkok : Sathaban Asia Suksa, Chulalongkorn University, 1989, hlm. 42.

⁷⁰Chesda Urphiphattanaphongse, Kanpathibat Nayobai, hlm. 158.

⁷¹Ruangyot Chantarakhiri, Sathannakan, hlm. 284.

menarik sokongan dari masyarakat Islam, Regimen ke 10 telah menggunakan taktik baru supaya mereka tidak lagi dipandang anti-agama dan anti-kebebasan penduduk tempatan. Cawangan barunya ditubuhkan dengan nama Parti Persaudaraan Islam atau PAPERI yang diketuai oleh Abdullah C.D.⁷² Kegiatan-kegiatan propagandanya di Narathiwat yang dapat dikesan oleh pihak kerajaan seperti berikut:

Pada 24 Februari 1971 Regimen ke 10 mengumpul penduduk kampung dalam Mukim Kayu Kelat, Daerah Waeng dan Mukim Rikoh daerah Sungai Padi serta memberi ceramah menyokong perjuangan orang Islam di selatan dalam mengembalikan kedaulatan Patani. Pada 4 Julai tahun yang sama PKM menyeru penduduk kampung di Daerah Waeng dan Sungai Padi supaya tidak mengharapkan tunjuk perasaan oleh pelajar universiti di Kuala Lumpur terhadap Perdana Menteri Thanum sewaktu beliau melawat Malaysia sebagai tindakan yang wajar dan ia membuktikan bahawa pemerintahan Thai tidak berlaku adil terhadap orang Islam. PKM melalui PAPERI juga menyebarkan risalah menyokong kebangkitan rakyat Patani.⁷³

Dari tindak-tanduk PKM terutama Regimen ke 10 menimbulkan kebimbangan bagi pihak berkuasa Thai kerana PKM dengan jelas telah mengubah haluan perjuangan dari tidak mencampuri urusan dalam negeri Thai atau dengan kata lain tidak akan memberi

⁷²Kampanat Chintawirote, Pol. Col., Kabuankan, hlm. 200.

⁷³Ibid., hlm. 201-203.

sokongan kepada gerakan pemisahan, turut membangkit semangat rakyat supaya menentang kerajaan Thai secara terang-terangan. Sebenarnya pihak berkuasa Thai juga mendapat beberapa bukti hubungan baik di antara PKM dan gerakan pemisahan dalam bentuk kerjasama di bidang latihan ketenteraan dan perbincangan.⁷⁴ Boleh dikatakan tindak tanduk PKM telah memburukkan lagi situasi di wilayah ini.

c) Masalah Dua Kerakyatan

Masalah rakyat Thai mempunyai kad pengenalan Malaysia selain dari kad pengenalan Thai sedangkan mereka tinggal dan bekerja di negeri Thai telah lama wujud khususnya setelah Persekutuan Tanah Melayu mendapat kemerdekaan. Motif di segi sosial ialah rakyat kedua buah negara terutama di wilayah Narathiwat dan negeri Kelantan memang ada pertalian kekeluargaan dan senantiasa menziarahi satu sama lain dan ada sebahagian dari mereka memperkukuhkan lagi pertalian dengan perkahwinan.

Bagi motif politik, dapat dikesan pada tahun 1972 apabila Datuk Mohammad Asri bin Haji Muda, yang di Pertua Agung Parti Pas ketika itu telah menyarankan kepada Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia supaya dibuka peluang kepada orang Islam di Thailand memohon kad pengenalan Malaysia di negeri Kelantan dengan alasan untuk menambah bilangan penduduk Melayu di Kelantan terutamanya Malaysia serta membuka peluang kepada orang Malyu Malaysia yang berhijrah dan bermastautin di Thailand

⁷⁴Phaitun Dase, op. cit., hlm. 209.

sehingga mendapat anak cucu supaya dapat pulang ke tanahair bersama keluarga.

Oleh kerana suasana politik ketika itu tidak mengizinkan maka Tun Razak tidak dapat menerima saranan itu. Perdana Menteri Malaysia selepas beliau, Tun Hussein Onn telah menyetujui dan diperluaskan kepada negeri-negeri yang bersempadan dengan Thailand iaitu negeri Perlis, Kedah dan Perak. Dasar ini dijalankan dengan diberi keutaman kepada pemimpin UMNO di negeri-negeri tersebut untuk menghubungi orang Islam di Thailand sebagai langkah mencari pengaruh di kalangan mereka.

Mengikut kajian dan penelitian yang dibuat didapati beberapa sebab yang mendorong orang Islam di Narathiwat memohon kad pengenalan Malaysia.

Pertama, untuk kepentingan pendidikan anak. Terdapat tidak kurang ramainya masyarakat Islam yang tinggal di daerah sempadan seperti Waeng, Sungai Golok, Sungai Padi dan Takbai menghantar anak mereka bersekolah di Kelantan.⁷⁵ Timbulnya sikap begini di kalangan orang Islam keana ada beberapa alasan, sebahagiannya ialah alasan di segi bahasa di mana kanak-kanak di daerah Waeng lebih fasih berbahasa Melayu dari Bahasa Thai sendiri. Alasan pendidikan agama di Malaysia lebih tinggi dan berkesan kerana agama Islam sebagai agama rasmi dan kerajaan banyak memberi bantuan kepada

⁷⁵The Southern Border Provinces Administrative Centre, "Kanthambat Prachamtua Prachachon Malaysia" (Permohonan Kad Pengenalan Malaysia) t.t., hlm. 2-3.

sekolah agama, juga diyakini oleh ibu bapa kanak-kanak. Senang mendapat pekerjaan yang bergaji tinggi juga satu alasan. Ini dibuktikan dengan kejayaan beberapa orang dari Narathiwat yang bekerja di Malaysia. Tambahan pula sesetengah orang beranggapan kerajaan Thai tidak menggalak orang Islam berkhidmat dengan kerajaan. Pada anggapan mereka, banyak kemudahan pelajaran di Malaysia terutama biasiswa. Satu lagi alasan yang tidak kurang pentingya ialah tanggapan bahawa Malaysia lebih maju dari Thailand terutama di bidang pendidikan termasuk status guru dalam masyarakat. Tanggapan ini berkaitan rapat dengan kesedaran kemelayuannya⁷⁶ dan ada yang menganggap Malaysia adalah tanah tumpah darah sementara Thailand hanya tempat mencari makan.⁷⁷

Kedua, prosedur untuk mendapatkan pas sempadan atau pasport adalah satu sebab yang tidak boleh dipandang enteng. Untuk permohonan pas sempadan, pemohon dikehendaki berhubung dengan pejabat daerah dan perlu mendapat jaminan perlakuan dari penggawa atau ketua kampung masing-masing.

Walaupun pegawai daerah diberi kuasa untuk meluluskan permohonan tetapi pemohon hendaklah mendapat pengesahan perlakuan dari balai polis terlebih dahulu. Prosedur ini memakan masa bagi pemohon yang memerlukannya secepat mungkin kerana

⁷⁶Changwat Narathiwat Lae Samnakngan Suksathikan Khet 2, 'Kansuka Nakrian Chaidan Thai Pairianti Malaysia' (Kajian Murid-murid di Sempadan Bersekolah Di Malaysia), 1985, hlm. 8-10.

⁷⁷Wichai Mikhayan, Bantuk, Prachathipatai Raiwan, 6 Julai 1974, hlm. 3.

ada hal-hal yang tertentu seperti kematian dan sebagainya. Lagipun pas sempadan ada beberapa sekatan kemudahan seperti tempoh penggunaan terhad serta jarak perjalanan yang dibenarkan juga amat dekat iaitu sekitar 25 kilometer dari sempadan.⁷⁸

Ketiga, bertujuan mengelak dari ditangkap oleh pihak berkuasa kerana melakukan jenayah atau terlebih dalam pergerakan pemisah.⁷⁹

Titik permasalahan ini ialah orang Islam di Narathiwat yang mempunyai dua kerakyatan pada umumnya lebih cenderung kepada Malaysia. Selain dari sebahagiannya berpunca dari pertalian darah, ada juga menganggap Malaysia tidak ada penindasan, tidak ada rasuah, negara aman tanpa penjenayah dan rakyat Malaysia mendapat perhatian dari kerajaan lebih dari Thailand.⁸⁰

Malah di musim pilihanrya umum di Malaysia didapati orang Islam dari Narathiwat menyeberangi ke Malaysia untuk membuang undi. Sikap dan pelakuan ini menimbulkan pelbagai masalah pentadbiran dan politik. Mereka yang terlibat dalam jenayah dan gerakan pemisahan, sukar bagi pihak berkuasa Thai untuk menangkap atau

⁷⁸The Sothern Border Provice Administrative Centre, Kanthambat, hlm. 3.

⁷⁹Ibid.

⁸⁰Wichai Mikhayan, Bantuk, hlm. 3.

membenterasnya. Lagipun Thailand dan Malaysia tidak ada perjanjian menghantar penjenayah di antara satu sama lain. Kecenderungan orang Islam yang memihak kepada Malaysia juga melambatkan proses integrasi nasional.